



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 10 JULAI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	KPKM KURANGKAN KEBERGANTUNGAN BERAS IMPORT, NASIONAL, SH -10 KPKM MANFAAT IoT SASAR TANAM PADI 3 KALI SETAHUN, NASIONAL, BH -13	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3. 4. 5.	PERAK WARTA PUSAT KONSERVASI PENYU DI PUALU PANGKOR, NEGARA, KOSMO -17 PERAK NEGERI KEEMPAT MENCATATKAN PENDARATAN TERTINGGI PENYU, LOKAL, HM -11 PANTAI TELUK KETAPANG SANTUARI PENYU, DALAM NEGERI, UM -35	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	SASAR TANAM PADI LIMA KALI DUA TAHUN, NEGERI KEDAH, SH -27	LEMBAGA PERTANIAN KEMAJUAN MUDA (MADA)
7.	FAMA SASAR RM7 JUTA JUALAN MALAYSIA FEST DI SINGAPURA, NEGARA, KOSMO -18	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8. 9. 10. 11.	KOMUNITI KITA, KOSMO - 32 10 TAHUN NELAYAN TUNGGU LESEN, NEGARA, KOSMO -16 LKIM, JABATAN PERIKANAN BINCANG MASALAH LESEN NELAYAN, DALAM NEGERI, UM -34 PASAR NELAYAN BEKAL IKAN TERUS KE DAPUR PENGGUNA, LOKAL, HM -10	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
12.	DENDA HINGGA RM250,000 JIKA TUKAR LABEL KAMPIT BERAS TEMPATAN, NASIONAL, BH -13	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

KPKM kurangkan kebergantungan beras import

KOTA BHARU - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berusaha mengurangkan kebergantungan beras import dalam negara bagi tempoh dua tahun.

Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri Padi KPKM, Datuk Azman Mahmood berkata, pengeluaran padi perlu dihasilkan antara tujuh hingga 10 tan metrik per hektar untuk setiap musim.

Menurut beliau, antara usaha bagi tujuan itu ialah program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan yang kini dilaksanakan di seluruh negara.

"Melalui kaedah ini, kita tidak lagi perlu bergantung beras import sebaliknya dapat mengeksport makanan utama ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sempena Majlis Perasmian Program SMART SBB Ala Sekinchan, JADA Kematin, Semarak-Kilang Beras Rajang di Kampung Surau Bator, Jelawat di sini pada Ahad.

Azman memberitahu, kaedah sistemik yang diguna pakai termasuk internet kebendaan (IoT) dan jentanam (*transplanter*) boleh meningkatkan hasil padi daripada 3.75 metrik tan kepada tujuh metrik tan per hektar.

Kaedah efisien berkenaan katanya, mampu menjimatkan penggunaan baja dan racun serta sudah melibatkan 11,000 hektar tanaman padi seluruh negara kecuali Melaka dan Johor.

Selain itu, Azman turut memaklumkan KPKM akan bekerjasama dengan pakar dari Indonesia untuk memperkenalkan benih padi yang hanya mengambik masa 75 hari untuk dituai.

Jelas beliau, ia dapat menyasarkan tanaman padi sehingga tiga kali setahun sekali gus menambah pendapatan petani daripada RM1,700 kepada RM4,000 semusim.

Sebelum ini, jangka masa panjangan menyebabkan petani hanya mampu menanam padi dua kali setahun.



Azman (kiri) melihat padi yang ditanam di Kampung Surau Bator, Jelawat pada Ahad.



Aktiviti persembahan kepada petani mengenai penggunaan sistem IoT beras pada program SMART SBB di Kampung Seri Baiter, Bukit Sembawang, (foto: NIK Rosdiah Nik Omar/PH)

KPKM manfaat IoT sasar tanam padi 3 kali setahun

Bachok: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (EPKOM) menyasarkan tanaman padi tiga kali setahun di kawasan pertanian pintar dengan menggunakan teknologi Internet of Things (IoT) pada tahun 2025. Persekitaran SMART SBB Alam Sekeloa LADA Komuniti Senterak-Kilang dalam tempoh dua tahun.

Program ini akan melibatkan petani-petani di sekitar kawasan pertanian pintar Azman Mahamad, berkedai basar. Ite, boleh dicapai menerusi program SMART SBB Bersemita. Azman Mahamad, ketua sekumpulan yang dilaksanakan di Kelantan, menerusi SMART SBB akan menanam padi zaidisasa-rakan yang akan memberi ganjangan internet kebebasan IoT) serta jentera penanaman yang boleh memproses hasil dari-nya untuk menghasilkan hasil yang lebih baik.

"Pernah efisien ini mampu meningkatkan penghasilan bagi petani yang menanam padi. Ini akan memberi manfaat kepada petani yang menanam padi secara berkala ke- RM3,000 setahun," katanya.

Denda hingga RM250,000 jika tukar label kampil beras tempatan

Kuala Lumpur: Individu, atau syarikat yang mengimport, kesm-ber, atau menjual beras tempatan dengan label pada kampil beras tempatan dan menyalahkannya dengan label import boleh dikenakan penalti hingga RM250,000.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos-Sara Hidup, Datuk Seri Shihuddin Ayub, ber-tujuan pihaknya memandu se-kerja untuk memastikan produk tempatan berdaftar dengan undang-undang berkaitan pernyawaan ke-atas pampatan beras tempatan.

"Membekalkan beras tempatan akan menyokong petani-petani dan meningkatkan pendapatan mereka," katanya.

Undang-undang ini tidak men-berhentikan import beras tempatan, tetapi ia akan dikenakan penalti jika individu atau syarikat itu mengimport beras tempatan dengan label import.

"Tindakan ini direka untuk melindungi petani-petani dan memastikan produk tempatan berdaftar dengan undang-undang berkaitan pernyawaan beras tempatan."

Individu didapati bersalah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya

Selama ini, BI membolehkan individu atau syarikat yang ber-terima dengan undang-undang berkaitan pernyawaan beras tempatan dengan menyalahkannya dengan label import.

"Tindakan ini direka untuk melindungi petani-petani dan memastikan produk tempatan berdaftar dengan undang-undang berkaitan pernyawaan beras tempatan."

Individu didapati bersalah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya

Selama ini, BI membolehkan individu atau syarikat yang ber-terima dengan undang-undang berkaitan pernyawaan beras tempatan dengan menyalahkannya dengan label import.

"Tindakan ini direka untuk melindungi petani-petani dan memastikan produk tempatan berdaftar dengan undang-undang berkaitan pernyawaan beras tempatan."



Shihuddin Ayub, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos-Sara Hidup

Sukuran khas lapor aktiviti tipu label kampil beras

Laporan BI 4 Julai 2023

Suruhan khas laporan aktiviti tipu label kampil beras tempatan kepada ber-terima.

Individu atau syarikat yang ber-terima dengan undang-undang berkaitan pernyawaan beras tempatan dengan menyalahkannya dengan label import.

"Tindakan ini direka untuk melindungi petani-petani dan memastikan produk tempatan berdaftar dengan undang-undang berkaitan pernyawaan beras tempatan."

Perak warta pusat konservasi penyu di Pulau Pangkor



MOHAMMAD NIZAR (kanan) melepaskan seekor penyu ke laut berhampiran Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu di Teluk Ketapang, Pulau Pangkor kelmarin.

LUMUT – Kerajaan negeri akan mewartakan Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu di Teluk Ketapang, Pulau Pangkor di sini sebagai lokasi pemulihan dan pemeliharaan hidupan marin itu.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air dan Penerangan Awam Perak, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaludin berkata, ia bertujuan bagi memastikan tiada pembangunan dapat dilakukan oleh mana-mana pihak di kawasan berkenaan.

"Kita akan memastikan kawasan itu khusus untuk penernakan penyu. Kita akan lihat kawasan itu dan wartakan ia sebagai tempat pemuliharaan dan pemeliharaan penyu.

"Jadi pihak lain tidak boleh bina bangunan, itu pendekatan

kerajaan untuk memastikan pemuliharaan atau konservasi penyu dijalankan secara serius," katanya selepas merasmikan Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu di Teluk Ketapang kelmarin.

Pembinaan bernilai RM150,000 di kawasan seluas 7.99 hektar itu merupakan salah satu inisiatif Jabatan Perikanan dalam memulihara dan memelihara penyu daripada terancam. Ia dibuka kepada orang ramai sejak Februari lalu.

Pusat itu yang pertama dibina pada 1989 di Segari berfungsi sebagai pusat penyelidikan, penerangan dan pengurusan hidupan marin serta program publisiti.

Mohammad Nizar berkata, pihaknya akan memastikan pusat berkenaan dimasukkan ke

dalam senarai wajib lawat sempena Tahun Melawat Perak 2024. Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Perikanan, Wan Muhamad Aznan Abdullah berkata, populasi penyu di negara ini adalah 11,129 ekor berdasarkan jumlah pendaratan yang direkod di tujuh buah negeri tahun lalu.

Pada tahun sama, sebanyak 977,905 pengeraman dan 681,077 penetasan telur penyu direkodkan. Sebanyak empat kes kutipan telur penyu secara haram berjaya dikesan iaitu tiga di Sabah dan satu di Terengganu.

Bellau turut meminta pihak yang berminat untuk menjadi pengutip penyu di Pulau Pangkor mendapatkan tauiah daripada Jabatan Perikanan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/7/2023	KOSMO	NEGARA	18



FOON HIN (belakang, tiga dari kanan) dan Aminuddin (belakang, tiga dari kiri) bergambar pada majlis penutup Penang Fama Fest 2023 di Kompleks Bukit Jambul, Bayan Lepas semalam.

FAMA sasar RM7 juta jualan Malaysia Fest di Singapura

GEORGE TOWN – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan jualan lebih RM7 juta menerusi penyertaan usahawan dari negara ini ke Malaysia Fest yang akan berlangsung di Singapura bermula 27 hingga 30 Julai ini.

Pengerusi Fama, Aminuddin Zulkipli berkata, Malaysia Fest akan disertai 124 usahawan yang membawa produk-produk kebanggaan negeri masing-masing.

“Malaysia Fest ini menawarkan pelbagai produk dari Malaysia dan ia sentiasa mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga Singapura. Se-

bagai contoh tahun lalu produk berkaitan petai ‘meletup’ di sana.

“Pada tahun ini, kita sasarkan jualan sebanyak RM7 juta dengan penyertaan 124 usahawan,” katanya selepas menghadiri majlis penutup Penang Fama Fest 2023, di sini semalam.

Majlis penutup itu disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin.

Antara usahawan yang akan menyertai Malaysia Fest itu ialah usahawan jeruk dan kopi dari Pulau Pinang, manakala dari Terengganu pula usahawan ke-ropok lekor.

10/7/2023

HARIAN
METRO

LOKAL

11

Perak negeri keempat mencatatkan pendaratan tertinggi penyu

Pulau Pangkor: Kerajaan Negeri Perak mewartakan Pusat Konservasi dan Pengerusan Penyu di Teluk Ketapang sebagai tapak pemeliharaan serta pemeliharaan kehidupan marin.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam negeri Datuk Seri Mohamad Nizar Jamaluddin berkata, langkah itu perlu bagi memastikan tiada pembangunan di kawasan itu.

"Kita dalam proses memastikan kawasan ini ter-tumpu kepada pembinaan dan pendaratan penyu. Kita akan lihat luas kawasan ter-babit dan mewartakannya agar tiada bangunan dibina di sini," katanya selepas merasmikan pusat itu, kelmarin.

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah (Pengerusan) Jabatan Perikanan Wan Muhammad Aznan Abdullah dan Timbalan Pengarah Perikanan Perak Albert Apollo


Chan.

Mohammad Nizar, yang mewakili Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perlindungan Pertanian dan Industri Maklumat negeri Datuk Mohd Zolkafly Harun berkata, kerajaan negeri juga memastikan pusat itu sebagai destinasi yang harus dikunjungi sempena Tahun Melawat Perak pada 2024.

Wan Muhammad Aznan pula berkata, Perak adalah negeri keempat tertinggi yang mencatatkan pendaratan penyu iaitu 61 ekor.

"Negeri yang mendahului ialah Terengganu iaitu 9,692 ekor diikuti Melaka (969), Pahang (368) dan Pulau Pinang (54)," katanya sambil menambah pada 2022, populasi penyu di Malaysia ialah 11,129 ekor berdasarkan

jumlah pendaratan dicatat di tujuh negeri termasuk Negeri Sembilan dan Labuan. Beliau berkata, pada 1989, Perak membina Pusat Kon-



SEBANYAK 100 ekor penyu agar di lepaskan ke habitat asalnya.

servasi dan Pengerusan Penyu pertama di Segari yang berfungsi sebagai pusat penyelidikan, penetasan serta pengurusan penyu selain

program publisiti. "Penubuhan Pusat Konservasi dan Pengerusan Penyu di Teluk Ketapang ini diharapkan menarik lebih ba-

nyak kerjasama daripada institut pengajian tinggi tempatan dan luar negara, badan bukan kerajaan, pakar dari dalam serta luar negara

bagi aktiviti penyelidikan serta kajian terhadap penyu," katanya.

Wan Muhammad Aznan berkata, pada 2022, terdapat empat kes pengutipan telur penyu secara haram iaitu tiga di Sabah dan satu di Terengganu.

"Dulu tiada pemantauan menyeluruh, jadi mungkin ada kejadian pengutipan telur penyu secara haram. Pengutip penyu perlu berdaftar dan mendapatkan tauliah menjual semula kepada Jabatan Perikanan. Setakat ini, tiada rekod pengutip telur penyu berdaftar di Pulau Pangkor namun kita mengesyorkan (mereka yang berminat) mendapatkannya (mendaf-tar) kerana ia percuma.

"Kita benarkan orang ramai melihat penyu tetapi perlu memastikan tiada gangguan seperti lampu dan bunyi kerana hidupan ini sensitif dan ia mengganggu proses penetasan telur," katanya.

10/7/2023

UTUSAN

DALAM

35

MALAYSIA

NEGERI

Pantai Teluk Ketapang santuari penyu

LUMUT: Kerajaan Perak akan mewartakan kawasan Pantai Teluk Ketapang di Pulau Pangkor sebagai santuari penyu dalam usaha memastikan kawasan pantai itu terus kekal menjadi lokasi pendaratan haiwan itu untuk bertelur.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam negeri, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin berkata, langkah itu sekali gus memastikan tiada projek pembangunan khususnya komersial dibangunkan di kawasan pantai yang terletak antara Pantai Pasir Bogak dan Pantai Teluk Nipah, dua pantai popular dalam kalangan pelancong di Pulau Pangkor.

"Itulah pendekatan kerajaan untuk memastikan pemuliharaan penyu dijalankan secara serius," katanya pada sidang

akhbar selepas merasmikan Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu di Teluk Ketapang, Pulau Pangkor semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Penerusan), Wan Muhammad Aznan Abqullah.

Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Teluk Ketapang bernilai RM150,000 di kawasan seluas 7.99 hektar itu mula dibuka kepada orang ramai awal tahun ini.

Difahamkan, Pantai Teluk Ketapang menerima kehadiran antara empat dan lima ekor penyu spesies Agar setiap tahun untuk bertelur.


Menurut Mohammad Nizar, kerajaan Perak juga akan berusaha memastikan pusat konservasi dan penerangan penyu itu menjadi sebahagian lokasi tarikan untuk dikunjungi sempena Tahun Melawat Perak ta-

hun depan.

Dalam pada itu, Wan Muhammad Aznan menjelaskan, populasi penyu di negara ini mencatatkan sebanyak 11,129 ekor berdasarkan jumlah pendaratan yang direkodkan di tujuh negeri tahun lalu iaitu Terengganu, Pahang, Johor, Melaka, Perak, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan serta Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya, sepanjang tahun lalu, sebanyak 977,905 pengerman dan 681,077 penetasan telur penyu direkodkan dengan Terengganu mencatatkan kehadiran tertinggi haiwan itu iaitu 9,632 kali pendaratan, Melaka (969), Pahang (368), Perak (61) dan Pulau Pinang (54).

Pada masa sama, sebanyak empat kes pengutipan telur penyu secara haram berjaya dikesan iaitu tiga di Sabah dan satu di Terengganu.



MOHAMMAD Nizar Jamaluddin melepaskan penyu Agar yang dipelihara selepas menetas di Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Teluk Ketapang, Pulau Pangkor, ke laut.

10/7/2023

SINAR
HARIAN
NEGERI
KEDAH

27

Sasar tanam padi lima kali dua tahun

Kedah beri jaminan kukuhkan keterjaminan pengeluaran beras negara

Oleh **NURUL HIDAYAH HAMID**
ALOR SETAR

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor memberi jaminan bahawa kerajaan negeri akan sentiasa bersama-sama kerajaan Persekutuan dalam agenda memperkukuhkan tahap keterjaminan dan keselamatan bekalan makanan negara khususnya dalam pengeluaran beras.

Menurutnya, Kedah yang digelar sebagai Negeri Jelapang Padi kini menghadapi hampir 43 peratus kepada keperluan beras negara dengan pengeluaran beras di negeri ini mencapai hampir sejuta tan metrik setahun.

Tambahnya, sasaran Kedah untuk melaksanakan inisiatif penanaman padi lima kali dalam dua tahun dijangka dapat meningkatkan lagi pengeluaran padi sebanyak 25 peratus menjadi 1.25 juta tan



Inisiatif penanaman padi lima kali dalam dua tahun dijangka dapat meningkatkan pengeluaran padi sebanyak 25 peratus.

metrik setahun tanpa perlu kepada pengeluaran padi sebanyak 25 peratus.

"Pelaksanaan ini dapat direalisasikan melalui penambahbaikan dari sudut infrastruktur pengairan dan saliran, peng-

gunaan teknologi dalam pertanian, pembangunan penyelidikan dan pembangunan (R&D) benih serta per-

kerasaan modal insan petani muda.

kan keterjaminan makanan, inisiatif ini turut dijangka mampu memberi manfaat dari segi peningkatan pendapatan seramai 56,000 pesawah di Kedah yang rata-ratanya adalah berpendapatan rendah," katanya.

Beliau berkata sedemikian ketika berucap pada Sesi Libat Urus Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) di Royal Kedah Club, di sini pada Ahad.

Hadir sama, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Menurut Muhammad Sanusi, pihaknya bersedia bekerjasama dan berharap agar agenda ini dijadikan agenda nasional serta mendapat perhatian di bawah RMK12.

Dalam perkembangan lain, beliau menyatakan cita-cita untuk meletakkan Kedah sebaris dengan negeri-negeri maju lain terutamanya yang berada di sekitar Lembah Klang.

"Alhamdulillah, cita-cita ini turut senada dengan perancangan yang terkandung di bawah RMK12 apabila kerajaan Persekutuan telah menggariskan di bawah RMK12 komitmen untuk memberi tumpuan lebih kepada enam negeri kurang membangun, salah satu daripadanya adalah Kedah," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/7/2023	KOSMO	KOMUNITI KITA	32

KOMUNITI KITA

KAMAN: Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Muhammad Faiz Fadzil (tengah) menyampalkan bantuan peralatan penangkapan ikan dan bakul makanan kepada 50 nelayan pada Majlis Ramah Mesra Madani di Hub Nelayan Sungai Sembilang, Kuala Selangor, Selangor baru-baru ini.



Ramai terpaksa turun ke laut, namun berdepan risiko ditahan

10 tahun nelayan tunggu lesen

Oleh NUR SYAZWANA MANSOR

SUNGAI PETANI – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menerima banyak rungutan daripada nelayan yang sukar memperoleh lesen, meskipun mereka telah membuat permohonan sejak lebih 10 tahun lalu.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, perkara itu banyak diajukan nelayan dalam program libat urus bersama nelayan yang dijalankan.

"Nelayan menyuarakan kebimbangan apabila terpaksa keluar menangkap ikan tanpa lesen dan berhadapan dengan risiko ditahan serta dikenakan tindakan pihak oleh berkuasa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Rahmah Mesra Madani Libat Urus Pengerusi LKIM bersama Nelayan Kedah di Dewan KEDA, Kampung Tepi Sungai, Kota Kuala Muda, dekat sini kelmarin.

Pada majlis itu, seramai 40 nelayan Kuala Muda menerima bantuan kotak makanan dan bantuan peralatan nelayan di bawah Program Peningkatan Pendapatan dengan peruntukan keseluruhan RM54,000.



MUHAMMAD FAIZ (tengah) bersama nelayan Kuala Muda di Kampung Tepi Sungai, Kota Kuala Muda, dekat Sungai Petani kelmarin.

Kata beliau, isu pemberian lesen itu bagaimanapun di luar bidang kuasa LKIM selain melibatkan dasar yang perlu dikaji oleh pihak kerajaan.

Menurutnya, pihaknya akan cuba membantu menerusi perbincangan dengan Jabatan Perikanan dan pihak terlibat.

"Saya sememangnya menyokong pemberian lesen ke-

pada lebih ramai nelayan kerana kita nak galakkan anak muda terlibat dalam aktiviti perikanan ini, cuma dasar negara yang tidak lagi mengeluarkan lesen kepada bot-bot kecil masih dilaksanakan.

"Saya difahamkan sebelum ini pihak Jabatan Perikanan telah mengeluarkan kira-kira 1,000 lesen sampan khas, namun

masih ramai lagi nelayan yang terpaksa beroperasi tanpa lesen," ujarnya.

Tambahnya, masalah lain yang turut disuarakan nelayan ialah berkaitan pemberian subsidi diesel yang tidak cukup untuk menampung keperluan nelayan serta isu penguatkuasaan dan penceroobahan sempadan menangkap ikan.

10/7/2023

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

34

LKIM, Jabatan Perikanan bincang masalah lesen nelayan

SUNGAI PETANI: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan mengadakan perbincangan dengan Jabatan Perikanan bagi membincangkan masalah ketiadaan lesen dalam kalangan nelayan di negara ini.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, pihaknya banyak menerima aduan daripada nelayan mengenai kebangangan mereka yang terpaksa keluar menangkap ikan tanpa lesen dan berhadapan risiko ditahan dan dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa.

Katanya, berdasarkan beberapa siri program libat urus bersama nelayan yang dijalankan, kebanyakan nelayan mengadu gagal mendapat lesen meskipun permohonan telah dibuat sejak lebih 10 tahun.

Namun kata beliau, isu pemberian lesen adalah di luar bidang kuasa LKIM dan melibatkan kerajaan tetapi pihaknya akan cuba membantu dengan cara



MUHAMMAD Faiz Fadzil (tengah) bersama nelayan Kuala Muda selepas menyampaikan sumbangan bantuan kotak makanan dan peralatan nelayan di Majlis Rahmah Mesra MADANI Libat Urus Pengerusi LKIM bersama Nelayan Negeri Kedah di Dewan KEDA, Kampung Tepi Sungai, Kota Kuala Muda di Sungai Petani.

mengadakan perbincangan dengan agensi terlibat.

“Saya memang sokong pemberian lesen kepada lebih ramai

nelayan kerana kita nak galakkan lebih ramai anak muda terlibat dalam aktiviti perikanan ini,

cuma dasar negara yang tidak lagi

mengeluarkan lesen kepada bot-bot kecil ini masih dilaksanakan.

“Saya difahamkan sebelum ini Jabatan Perikanan telah

mengeluarkan kira-kira 1,000 lesen sampan khas kepada nelayan namun masih ramai nelayan yang terpaksa beroperasi tanpa lesen,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Rahmah Mesra MADANI Libat Urus Pengerusi LKIM bersama Nelayan Negeri Kedah.

Pada majlis tersebut, seramai 40 nelayan daerah Kuala Muda menerima bantuan kotak makanan dan peralatan nelayan di bawah Program Peningkatan Pendapatan dengan peruntukan sebanyak RM54,000.

Katanya, selain lesen, masalah lain yang turut disuarakan nelayan adalah berkaitan pemberian subsidi diesel yang tidak cukup untuk menampung keperluan mereka dan isu penguatkuasaan serta pencerobohan sempadan menangkap ikan.

“Kebanyakan isu yang dibangkitkan mereka adalah melibatkan dasar-dasar negara yang memerlukan perhatian daripada kerajaan,” ujarnya.

Pasar Nelayan bekal ikan terus ke dapur pengguna

Seremban Pasar Nelayan Seremban 2 akan dibuka berkonsepkan pasar mini dalam bangunan menjadi perintis kepada projek pasar nelayan di kawasan bandar. Pihak berkuasa itu akan menangani kenaikan harga hasil laut.

Pengerusi Lembaga Kejuruteraan Makanan (LKIM) Melaka, Fadzil berkata, projek berkenaan mahu membekalkan ikan segar terus ke dapur pengguna. Selain itu, kos sara hidup semakin tinggi.

"Selangka kini, kami sebagai pasar nelayan di sekitar daerah ini terpaksa empat daripada lima orang. Seremban, Namun, kebanyakan premis ini tidak mempunyai kawasan simpanan ikan."

"Pasar di sini (Seremban) adalah projek rintis (pasar nelayan) di kawasan ini. Kami akan ke Seremban dan Nilai termasuk ke negeri lain," katanya pada perasmian pembukaan Pasar Nelayan Seremban 2 di sini, Rabu.

Turut hadir, Pengarah Bahagian Pemasaran dan Pemasukan LKIM, Abdul Wahid Zaidi, Pengarah LKIM Negeri, Sembilan, Muhammad Abq Zali dan Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Sembilan

Seremban Pasar Nelayan Seremban 2 akan dibuka berkonsepkan pasar mini dalam bangunan menjadi perintis kepada projek pasar nelayan di kawasan bandar. Pihak berkuasa itu akan menangani kenaikan harga hasil laut.

Pengerusi Lembaga Kejuruteraan Makanan (LKIM) Melaka, Fadzil berkata, projek berkenaan mahu membekalkan ikan segar terus ke dapur pengguna. Selain itu, kos sara hidup semakin tinggi.

"Selangka kini, kami sebagai pasar nelayan di sekitar daerah ini terpaksa empat daripada lima orang. Seremban, Namun, kebanyakan premis ini tidak mempunyai kawasan simpanan ikan."

"Pasar di sini (Seremban) adalah projek rintis (pasar nelayan) di kawasan ini. Kami akan ke Seremban dan Nilai termasuk ke negeri lain," katanya pada perasmian pembukaan Pasar Nelayan Seremban 2 di sini, Rabu.

Turut hadir, Pengarah Bahagian Pemasaran dan Pemasukan LKIM, Abdul Wahid Zaidi, Pengarah LKIM Negeri, Sembilan, Muhammad Abq Zali dan Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Sembilan

Shahggo Kuli, Kurni ada 136 pasar nelayan di seluruh negara dengan empat daripada lima orang. Seremban, Namun, kebanyakan premis ini tidak mempunyai kawasan simpanan ikan."

"Pasar di sini (Seremban) adalah projek rintis (pasar nelayan) di kawasan ini. Kami akan ke Seremban dan Nilai termasuk ke negeri lain," katanya pada perasmian pembukaan Pasar Nelayan Seremban 2 di sini, Rabu.

Turut hadir, Pengarah Bahagian Pemasaran dan Pemasukan LKIM, Abdul Wahid Zaidi, Pengarah LKIM Negeri, Sembilan, Muhammad Abq Zali dan Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Sembilan

Turut hadir, Pengarah Bahagian Pemasaran dan Pemasukan LKIM, Abdul Wahid Zaidi, Pengarah LKIM Negeri, Sembilan, Muhammad Abq Zali dan Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Sembilan

Turut hadir, Pengarah Bahagian Pemasaran dan Pemasukan LKIM, Abdul Wahid Zaidi, Pengarah LKIM Negeri, Sembilan, Muhammad Abq Zali dan Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Sembilan

Muhammad Faiz (PENNS), Abu Bakar Daim, Muhammad Faiz berkata, pembukaan pasar nelayan ini akan memberi manfaat kepada pengguna yang jauh dari pusat mendapatkan ikan segar pada harga lebih murah.

"Kami dibekalkan dengan terus ke dapur pengguna tanpa orang tengah atau pemborong. Ia membolehkan pengguna membeli ikan segar dengan harga murah kerana memotong rantai bekalan."

"Dengan cara ini, nelayan mendapat pulangan yang lebih tinggi. Selain itu, ia membantu mereka meningkatkan pendapatan lebih tinggi. Sebelum ini hasil nelayan serendah kerana mereka terpaksa menjual murah oleh pemborong," katanya.



MUHAMMAD FAZ (tengah) ketika merasmikan Pembukaan Pasar Nelayan Seremban 2, lokat City Centre Seremban 2. Gambar: NSTP/MUHAMMAD HUSBI